

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. ONG KIAN MING [ SERDANG ]**

**TARIKH : 12 JUN 2014**

**SOALAN :**

**Dr. Ong Kian Ming [ Serdang ] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan :-**

- (a) jumlah dana Kementerian yang telah diperuntukkan untuk ladang hutan bagi setiap negeri melalui Forest Development Plantation Sdn. Bhd. (FPDSB) sejak 2006 ; dan
- (b) mengapa Kementerian menggalakkan hutan ladang berskala besar khususnya Ladang Getah Balak Klon memandangkan ini akan mengurangkan hutan semula jadi dan harga getah pada masa ini sudah sangat rendah.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semenjak Program Pembangunan Ladang Hutan (PPLH) diperkenalkan pada tahun 2006, pinjaman sebanyak RM769.5 juta telah diluluskan kepada 59 peminjam. Pinjaman yang telah diluluskan ini melibatkan negeri-negeri seperti berikut:

- (i) Kelantan - RM236.1 juta;
- (ii) Pahang - RM61.1 juta;
- (iii) Selangor - RM38.7 juta;
- (iv) Johor - RM56.5 juta;
- (v) Perak - RM4.4 juta;
- (vi) Kedah - RM0.1 juta;
- (vii) Sabah - RM194.8 juta; dan
- (viii) Sarawak - RM177.7 juta.

Sehingga April 2014, seluas 87,000 hektar ladang hutan atau 77.4% daripada keseluruhan kawasan yang diluluskan, telah berjaya ditanam.

Tuan Yang Di-Pertua,

Program Pembangunan Ladang Hutan adalah berdasarkan 3 skala, iaitu Bersaiz Besar melibatkan keluasan 2,500 hektar dan ke atas, Bersaiz Sederhana melibatkan keluasan 41 hektar sehingga 2,499 hektar dan Bersaiz Kecil melibatkan keluasan 4 hektar sehingga 40 hektar. Di bawah program ini, pemberian pinjaman adalah berdasarkan kepada permohonan

oleh peminjam dan tertakluk kepada peruntukan bagi setiap skala. Pihak Kementerian tidak pernah memberi keutamaan atau galakan kepada mana-mana peminjam untuk memilih skala bersaiz besar kerana ia bergantung kepada kemampuan masing-masing.

Walau bagaimanapun, Kementerian menggalakkan pemilihan spesis getah berklon getah balak memandangkan ia dapat membekalkan keperluan bahan mentah kayu kepada industri selepas 15 tahun dengan anggaran sebanyak 200 meter padu ( $m^3$ ) setiap hektar berbanding spesies lain. Selain menjadi bahan mentah utama bagi industri perabot, ia juga dapat memberi pulangan susu getah dengan anggaran 1,500 kg/hektar/tahun kepada pengusaha.

Bagi tujuan penanaman di bawah program ini, kawasan yang terlibat adalah dengan kebenaran pihak Kerajaan Negeri.

Sekian, terima kasih.